

Peralatan, Kawalan & Butiran Lain

Suis Penghidup

Meninggalkan suis penghidup di posisi **I** (On) dengan enjin tidak dihidupkan akan melemahkan kuasa bateri 12 V.

Jangan putar suis penghidup semasa menunggang.

Suis Enjin Berhenti

Jangan menggunakan suis enjin berhenti kecuali dalam keadaan kecemasan. Berbuat demikian semasa menunggang akan menyebabkan enjin tiba-tiba mati, menjadikan tunggangan tidak selamat.

Jikalau anda terpaksa mematikan enjin dengan suis enjin berhenti, sila putarkan suis penghidup ke posisi **O** (Off). Kegagalan berbuat demikian akan melemahkan bateri 12 V.

Odometer

Paparan akan kekal pada 999,999 apabila bacaan melebihi 999,999.

Meter Perjalanan

Meter perjalanan akan kembali ke 0.0 apabila bacaannya melebihi 999.9.

Beg Dokumen

Manual pemilik, pendaftaran dan maklumat insurans boleh disimpan di dalam beg dokumen plastik yang terletak di bawah tempat duduk.